

31 AUG 2000

Suqiu-Mahathir

JAWATANKUASA SUQIU MAHU TEMUI PM UNTUK BERI PENJELASAN

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Jawatankuasa Rayuan Pilihan raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu) berharap untuk menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memberi penjelasan berhubung tuntutan yang menimbulkan kemarahan orang Melayu.

"Semoga Perdana Menteri akan memberikan peluang kepada Jawatankuasa Suqiu untuk memberi penjelasan bagi mengelak salah faham," kata pengerusinya Quek Suan Hiang dalam satu kenyataan di sini.

Quek, yang memberi reaksi kepada perutusan Dr Mahathir sempena sambutan Hari Kebangsaan semalam berkata, jawatankuasa itu bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri bahawa keharmonian antara kaum merupakan teras pembangunan negara dan semua pihak tidak harus mempermainkan sentimen perkauman.

Dalam perutusan itu Dr Mahathir memberi amaran keras kepada puak ekstremis di negara supaya menghentikan bermain dengan api perkauman.

Perdana Menteri menamakan Suqiu, yang mahukan kerajaan menghapuskan kedudukan istimewa Melayu, sebagai satu daripada dua puak ekstremis yang boleh membawa huru-hara dan anarki dalam negara. Satu lagi ialah Kumpulan Al-Ma'unah yang merancang menggulingkan kerajaan secara pemberontakan bersenjata.

Quek berkata tuntutan 17 perkara yang dikemukakan oleh jawatankuasa itu bukanlah tuntutan perkauman tetapi berupa pandangan jauh demi kepentingan nusa dan bangsa.

Beliau juga berkata, Suqiu tidak cuba menyakitkan hati orang tertentu supaya perasaan perkauman dihidupkan semula.

"Sebenarnya apabila (tuntutan) Suqiu dikemukakan pada tahun lepas, ia telah dipersetujui dan diterima pada prinsipnya oleh Kabinet pada 23 Sept 1999.

Beliau menyeru semua pihak supaya mematuhi keputusan Kabinet pada 23 Ogos lepas supaya berhenti membincangkan isu itu secara terbuka.

-- BERNAMA

AFY ES AU MAI